

KEPERLUAN PENYEBARAN FATWA KEPADA MASYARAKAT OLEH BADAN BERAUTORITI FATWA NEGERI: ASAS PENILAIAN KEBERKESANAN BERDASARKAN *KIRKPATRIK MODEL OF EVALUATION*

**Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan, Azman Md Zain, Kamarudin Ahmad, Zulhilmi
Paidi, Solahuddin Abdul Hamid & Mohd Nizho Abdul Rahman**

Jabatan Tamadun & Falsafah
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
akram@uum.edu.my

Abstrak

Fatwa adalah salah satu medium pemakluman hukum syarak dalam memberi jawapan kepada kemosyikilan agama kepada masyarakat dan mempunyai peranan besar. Fatwa datang dari masyarakat dan mereka terlibat dalam menerima serta mengamalkan fatwa. Berdasarkan asas ini, fatwa adalah sangat perlu disebarluaskan. Dalam konteks Malaysia, setiap negeri mempunyai badan berautoriti fatwa masing-masing yang berperanan mengeluarkan dan menyebarkan fatwa. Dalam menyebarkan fatwa, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun oleh Jabatan Mufti negeri masing-masing. Semua program tersebut adalah melibatkan masyarakat awam dan komuniti yang lebih khusus seperti kakitangan awam dan swasta, para pentadbir kakitangan masjid serta surau. Bagi menilai keberkesaan penyebaran fatwa di setiap negeri melalui program-program yang telah disusun, satu kaedah telah dipilih iaitu *Kirkpatrick Model of Evaluation*. Adaptasi model penilaian ini telah dilakukan bagi disesuaikan dengan objektif kajian merangkumi 3 peringkat penting iaitu reaksi peserta terhadap keperluan program yang dilaksanakan, proses pembelajaran yang berlaku daripada program yang dihadiri dan tingkah laku melibatkan pengamalan peserta terhadap kefahaman fatwa yang disebarluaskan melalui program tersebut. Proses penilaian dilakukan melibatkan perbandingan pengetahuan, kefahaman dan pengamalan audiens sebelum dan selepas program dilaksana. Satu analisis kandungan data kualitatif yang berasaskan kutipan data kepustakaan dan temubual dilakukan bagi memberi gambaran umum bersifat teoritikal tentang keperluan penyebaran fatwa dan adaptasi *Kirkpatrick Model of Evaluation* sebagai model yang digunakan bagi menilai keberkesaan program-program penyebaran fatwa di peringkat negeri di Malaysia oleh Jabatan Mufti masing-masing.

Kata kunci: Penyebaran, Fatwa, *Kirkpatrick Model of Evaluation*, Keberkesaan.

Pendahuluan

Dasar Persekutuan Malaysia telah dibentuk daripada beberapa buah negeri yang mempunyai bidang kuasa yang berbeza sama ada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri (Abdul Aziz Bari, 2005). Antara bidang kuasa yang berada di peringkat negeri ialah perkara berkaitan agama Islam. Urusan fatwa adalah termasuk dalam bidang kuasa agama Islam. Oleh itu, setiap negeri mempunyai fatwanya sendiri yang dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa.

Menelusuri masa, begitu banyak fatwa yang telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa di negeri-negeri di Malaysia meliputi pelbagai topik sama ada bersangkutan akidah, ibadah, nikah cerai, ekonomi/muamalat dan sosial. Semua fatwa ini telah dimaklum dan disebarluaskan melalui

pelbagai medium sama ada menggunakan media massa melibatkan media cetak, media elektrik dan media elektronik ataupun melalui program-program yang telah disusun oleh jabatan mufti negeri sepanjang tahun. Pelbagai program yang telah disusun tersebut dari sudut penyebaran adalah sangat tepat dengan memberi tumpuan kepada kumpulan fokus, namun begitu tidak dapat dipastikan dari sudut keberkesanan penyebaran fatwa melalui program yang disusun tersebut.

Berasaskan perkara di atas, satu analisis kandungan data kualitatif yang berasaskan kutipan data kepustakaan dan temubual dilakukan bagi memberi gambaran umum bersifat teoritikal tentang keperluan penyebaran fatwa dan adaptasi *Kirkpatrick Model of Evaluation* sebagai model yang digunakan bagi menilai keberkesaan program-program penyebaran fatwa di peringkat negeri di Malaysia oleh Jabatan Mufti Negeri masing-masing.

Kedudukan dan Peranan Fatwa

Fatwa adalah satu perkara yang wujud selari dengan penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW. Terdapat lebih kurang sebelas kali dalam sembilan ayat yang berbeza menunjukkan bahawa proses fatwa telah berlaku serentak dengan penurunan wahyu (Mohd Akram Dahaman, 2005). Kedudukan fatwa dalam Islam adalah sangat tinggi. Bermula dari penurunan wahyu sehingga sekarang fatwa merupakan salah satu pilihan masyarakat ulama mahupun masyarakat umum untuk mendapat tahu sesuatu hukum di sisi syarak.

Para ulama salaf mengatakan bahawa fatwa mempunyai tempat yang tinggi dan agung (Muhammad Ahmad Makki, 1999). al-Nawawi (1987) di dalam karyanya *Adab al-Fatwa* menyebut bahawa “Ketahuilah bahawa fatwa itu adalah sesuatu yang besar bahayanya, luas bidangnya, banyak kelebihannya...”. al-Syatibi (1996) merangkumkan ketinggian kedudukan fatwa di dalam Islam adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu;

Pertama: Ulama adalah pewaris para nabi sepetimana yang telah disebut oleh Rasulullah SAW: “Sesungguhnya ulama itu adalah pewaris para nabi”

Kedua: Mufti merupakan penolong bagi Rasul dalam menyampaikan hukum

Ketiga: Mufti merupakan orang yang bertanggungjawab memberi hukum-hukum syarak. Orang yang mengeluarkan dan menetapkan hukum syarak tersebut perlu memenuhi syarat-syarat tertentu.

Menurut al-Qaradawi (1996), fatwa adalah salah satu medium pemakluman hukum syarak dalam memberi jawapan terhadap kemusykilan agama kepada masyarakat. Berdasarkan definisi ini, jelas menunjukkan bahawa radius cakupan fatwa bukan hanya melibatkan hukum *taklifi* sekitar masalah ibadat, munakahat dan muamalat sahaja, akan tetapi merangkumi keseluruhan bentuk hukum syarak iaitu *Ahkam I'tiqadiyyah*, *Ahkam 'Amaliyyah* dan *Ahkam Tahzibiyyah Akhlaqiyah* (Mohd Akram Dahaman, 2012). Berdasarkan hakikat di atas, peranan fatwa adalah cukup besar dalam menjelaskan dan memahamkan masyarakat Islam tentang hukum syarak yang merangkumi keseluruhan jenis hukum Islam. Perkara ini adalah sangat tepat dengan realiti kehidupan manusia yang berdepan dengan pelbagai jenis permasalahan. Permasalahan yang timbul dalam kehidupan masyarakat akan meliputi semua aspek kehidupan dan Islam sebagai satu sistem hidup yang komprehensif sudah semestinya telah menyediakan jalan penyelesaian. Dalam konteks ini, fatwa adalah salah satu mekanisma dalam menyelesaikan permasalahan yang berlegar dalam kehidupan masyarakat.

Fatwa datang dari masyarakat dan mereka juga akan terlibat dalam menerima serta mengamalkan fatwa tersebut. Terdapat dua perkara dalam menjelaskan peranan fatwa dalam konteks ini. Pertama ialah keperluan pemakluman kepada pihak yang meminta fatwa kerana menurut Mohd Akram Dahaman (2005), fatwa tidak boleh dinamakan fatwa sekiranya tidak dimulai dengan satu bentuk pertanyaan. Kekadang fatwa tidak disebarluaskan dan hanya diberi jawapan kepada pihak yang bertanya atas sebab-sebab menjaga sensitiviti dan masalah pentadbiran (Raihanah Abdullah, 2004). Yang kedua pula ialah keperluan pihak lain selain pihak yang bertanya melibatkan masyarakat umum. Mereka amat memerlukan kepada satu bentuk panduan dan jawapan hukum syarak terhadap perkara-perkara yang berlaku di dalam kehidupan. Berdasarkan asas ini, fatwa adalah sangat perlu disebarluaskan.

Penyebaran Fatwa: Dahulu dan Kini

Penyebaran fatwa adalah satu bahagian yang utama dalam konsep fatwa secara keseluruhan. Ini kerana fatwa adalah satu bentuk jawapan yang perlu dimaklumkan kepada yang bertanya iaitu *mustafti*. Menurut ‘Ali Ibn ‘Abbas al-Hakami (2001), fatwa bermaksud pemakluman atau pengkhabaran tentang sesuatu hukum syarak. Asasnya, pemakluman tersebut perlu diberikan secara *direct* kepada si penanya sekiranya melibatkan isu-isu sensitif dan peribadi, namun begitu pemakluman fatwa boleh disebarluaskan untuk manfaat seluruh umat Islam dengan mereka sudah mempunyai panduan hukum sekiranya berlaku sesuatu kes yang sama. Perkara ini dapat difahami daripada definisi yang telah dikemukakan oleh ‘Abdullah al-Turki (1990) iaitu:

“Fatwa adalah apa-apa yang dimaklumkan oleh mufti tentang sesuatu perkara sebagai jawapan kepada pertanyaan atau penerangan terhadap hukum walaupun tidak berlaku pertanyaan khusus”

Proses penyebaran fatwa di sepanjang sejarah Islam telah berlaku sejak daripada penurunan wahyu lagi. Ayat-ayat al-Quran yang bertemakan pertanyaan atau permintaan fatwa kepada Rasulullah SAW dan kemudiannya jawapan kepada pertanyaan tersebut disampaikan oleh baginda SAW adalah bukti yang jelas. Antara ayat-ayat yang bertemakan pertanyaan ialah;

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: (peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat haji...” (al-Baqarah: 189)

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia...” (al-Baqarah: 219)

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: Roh itu dari perkara urusan Tuhanmu...” (al-Isra’: 85)

Manakala ayat-ayat yang bertemakan permintaan fatwa pula ialah;

“Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka...” (al-Nisa’: 127)

“Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad) mengenai masalah al-Kalalah. Katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara al-Kalalah itu...”

Penyebaran jawapan kepada hukum syarak diteruskan oleh para Sahabat RA. Dengan suasana yang baharu khususnya di wilayah yang jauh daripada tanah Arab telah menyebabkan banyak isu-isu baharu timbul. Semua ini memerlukan jawapan dan Sahabat RA adalah kelompok yang paling layak manggalas tugas ini. Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1996) melaporkan bahawa terdapat dalam kalangan Sahabat yang banyak mengeluarkan fatwa dan ada juga yang sederhana dan ada yang sedikit. Beliau berkata: “Dan mereka yang memberi fatwa dalam kalangan Sahabat Rasulullah berjumlah lebih kurang 130 orang lelaki dan perempuan, dan yang banyak berfatwa ada tujuh orang: Umar al-Khattab, ‘Ali Ibn Abu Talib, ‘Abdullah Ibn Mas’ud, ‘Aisyah Ummul Mukminin, Zaid Ibn Thabit, ‘Abdullah Ibn ‘Abbas dan ‘Abdullah Ibn ‘Umar (Ibn Qayyim, 1996).

Bukti jelas yang menunjukkan telah berlaku penyebaran fatwa kepada masyarakat Islam dalam konteks pandangan-pandangan hukum para Sahabat RA ialah fatwa mereka telah dijadikan antara sumber hukum oleh salah seorang pengasas mazhab utama Islam iaitu Imam Ahmad Ibn Hanbal. Imam Ahmad Ibn Hanbal dilahirkan pada tahun 164 Hijrah ('Umar Sulayman al-Asyqar, 2003). Ini bermakna lebih daripada 75 tahun selepas generasi Sahabat RA, fatwa-fatwa mereka tersebar luas dalam kalangan masyarakat ulama dan masyarakat awam. Proses penyebaran yang menyeluruh dalam masyarakat Islam merupakan asas penting dalam metode pengeluaran fatwa mazhab Hanbali yang meletakkan sumber ketiga selepas al-Quran dan al-Sunnah. Malah hadith *Mursal* dan *Dha'if* dikemudiankan daripada fatwa Sahabat dalam hierarki sumber hukum dalam mazhab beliau (Muhammad Mustafa Syalabi, 1985).

Penyebaran fatwa-fatwa Sahabat RA telah dilaksanakan oleh generasi seterusnya juga dengan melakukan usaha pembukuan bagi memudahkan masyarakat Islam merujuknya sebagai panduan hukum syarak. al-Amidi (1979) telah merekodkan bahawa ada seorang alim yang mengumpul dan membukukan semua fatwa-fatwa ‘Abdullah Ibn ‘Abbas di dalam 20 jilid.

Kaedah penyebaran fatwa dalam bentuk *hard copy* seperti buku dan kitab merupakan antara medium yang digunakan oleh masyarakat ulama Islam dari dahulu sehingga sekarang. Pelbagai buku dan kitab koleksi fatwa sama ada mewakili orang perseorangan mahupun mazhab tertentu telah ditulis dan dikumpulkan seterusnya dicetak dan disebarluaskan untuk menjadi panduan kepada masyarakat Islam sama ada kelompok agamawan mahupun masyarakat umum. Menurut Umar Sulayman al-Asyqar (1991), kitab koleksi fatwa yang terawal dicatatkan ialah *al-Fatawa al-Ziniyyah* oleh Ibn Nujaim al-Hanafi dan *al-Nataffi al-Fatawa* oleh Qadhi al-Qudhah ‘Ali Ibn al-Hussain al-Shadafi sekitar tahun 400 Hijrah. Setelah itu wujud pula koleksi fatwa yang bernama *al-Fatawa al-Khaniyyah* (Fatwa Qadhi Khan) sekitar tahun 500 H, *al-Fatawa al-Zahiriyyah* oleh Qadhi Zahiruddun al-Hanafi, kitab *Fatawa al-Nawawi al-Syafi'i* sekitar tahun 600 H, *al-Fatawa al-Kubra* oleh Ibn Taimiyyah, kitab *Fatawa al-Subki* sekitar tahun 700 H, *al-Fatawa al-Tatar Khaniyyah*, *al-Fatawa al-Bazaziyyah* sekitar tahun 800 H, *Fatawa al-Ramli*, *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah* oleh Imam al-Haithami, *al-Fatawa al-Hamidiyyah* oleh Maula Hamid al-Qanuni sekitar tahun 900 H, *al-Fatawa al-Khairiyyah li Naf' al-Barriyyah* oleh Khairuddin al-Ramli al-Hanafi dan *al-Fatawa al-Hindiyyah* sekitar tahun 1000 Hijrah (Hussain Muhammad al-Mallah, 2001). Kaedah yang sama juga digunakan oleh beberapa tokoh besar agamawan Islam dunia kini dalam menyebarkan pandangan-pandangan hukum syarak, antaranya ialah koleksi fatwa Yusuf al-Qaradawi, Mustafa al-Zarqa' dan lain-lain. Malah koleksi fatwa

yang dibuat secara kolektif mewakili badan-badan berautoriti fatwa di sesebuah negeri ataupun negara juga telah dibuku.

Proses penyebaran fatwa juga dilakukan melalui majlis-majlis ilmu yang diprogramkan di institusi-institusi tertentu seperti masjid dan institusi pendidikan Islam seperti madrasah dan universiti. Di masjid para sarjana dalam ilmu syarak diberikan tempat untuk mengajar dan menyampaikan ilmu syarak serta menerima soalan seterusnya menjawab soalan yang telah dikemukakan. Jawapan-jawapan tersebut adalah termasuk di dalam maksud fatwa yang disebarluaskan kepada si penanya dan diterima oleh audiens yang hadir. Manakala di institusi pendidikan Islam seperti madrasah dan universiti, fatwa-fatwa ulama dimasukkan dalam silabus, dibincang dan diteliti secara bersama oleh para guru dan pelajar. Semua medium ini telah menjadi perantara yang bersifat majlis yang diprogramkan dalam penyebaran fatwa dalam masyarakat. Program-program ini berlaku secara berulang dari tahun ke tahun dan sudah dimaklumi akan objektifnya oleh masyarakat. Hal ini bertambah baik apabila sistem pengurusan institusi Islam ditambahbaik dengan pengwujudan badan berautoriti fatwa di setiap negara sama ada di negara Islam maupun di negara bukan Islam. Sebagai contoh, di peringkat ASEAN sahaja, negara-negara bermajoritikan orang Islam seperti Malaysia, Indonesia, Brunei mempunyai badan berautoriti fatwa masing-masing. Malaysia dengan pengwujudan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) sebagai platform perjumpaan semua mufti-mufti di negeri (Haji Mustafa bin Abdul Rahman, 2008), Indonesia dengan Majelis Ulama Indonesia (MUI) sebagai platform ulama daripada pelbagai komponen umat Islam Indonesia (K.H. Ma'ruf Amin, 2006) dan di Brunei dengan Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam (JMK) yang diketuai oleh Mufti Negara (Haji Japar bin Haji Mat Dain, 2006). Manakala di negara-negara berminoritikan orang Islam ialah Singapura, Thailand dan Kemboja juga mempunyai badan berautoriti fatwa masing-masing. Urusan pentadbiran fatwa di Singapura dikendalikan Pejabat Mufti yang bernaung di bawah Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), manakala badan yang bertanggung jawab dalam urusan fatwa ialah Jawatankuasa Fatwa yang dipengerusikan oleh mufti negara (Haji Mohd Murat Md Aris, 2006). Bagi negara Thailand pula, walaupun tiada badan khas mengenai fatwa, tetapi fatwa dilaksanakan melalui institusi Islam di peringkat kebangsaan atau wilayah di bawah kuasa *Chularachamonteri* (Ahmad Omar Chapakia, 2006). Manakala bagi negara Kemboja, perlantikan Mufti Kerajaan telah membentuk Majlis Mufti yang menjadi badan berautoriti fatwa di Kemboja (Haji Mohammad Abdus Salam bin Osman, 2006). Semua badan ini merancang dan membentuk program-program yang lebih berstruktur dengan tujuan menyebarkan fatwa-fatwa yang telah diputus dan dikeluarkan.

Penyebaran Fatwa di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, setiap negeri mempunyai badan berautoriti fatwa masing-masing yang berperanan mengeluarkan dan menyebarkan fatwa dengan menggunakan pelbagai nama antaranya Jawatankuasa Fatwa, Jawantankuasa Perundingan Hukum Syarak, Jemaah Ulama' dan Lembaga Fatwa (Lokmanulhakim Hussain, 2013). Dari sudut pentadbiran, semua jawatankuasa yang memutuskan fatwa ini telah diletakkan di bawah pengurusan Jabatan Mufti di negeri masing-masing. Terdapat dua bentuk fatwa yang terhasil daripada keputusan yang ditetapkan oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri iaitu fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa atau fatwa yang diwartakan. Yang membezakan keduanya ialah dari sudut implikasi undang-undang sahaja. Kedua-dua bentuk fatwa ini adalah disebarluaskan oleh Jabatan Mufti dalam masyarakat setempat.

Dalam menyebarkan fatwa, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun oleh Jabatan Mufti negeri masing-masing. Semua program tersebut adalah melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Fokus yang diberikan oleh Jabatan Mufti dalam melaksanakan program-program penyebaran fatwa di peringkat negeri ialah kepada masyarakat umum ataupun kepada kelompok yang lebih kecil dan berfokus seperti program kepaka kakitangan jabatan-jabatan kerajaan ataupun swasta, kakitangan masjid dan surau.

Sebagai contohnya program-program yang dilaksanakan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sepanjang tahun 2015 yang berkaitan dengan penyebaran fatwa yang telah ditetap dan dikeluarkan keputusannya oleh jawatankuasa fatwa adalah seperti berikut (Majalah al-I'tisam, 28/2016):

Bil	Tarikh/Bulan	Program
1	Januari	Program Pemantapan Fatwa Siri 1/2015
2	Februari	Program Pemantapan Fatwa Siri 2/2015
3	Mac	Program Pemantapan Fatwa Siri 3/2015 Program Tafaqquh Pemegang Tauliah Mengajar Agama WP Siri 1/2015 Majlis Penjelasan Fatwa Siri 1/2015
4	April	Seminar Perbankan Islam Majlis Penerbitan Penyelewengan Ajaran Millah Ibrahim
5	Mei	Program Tafaqquh Pemegang Tauliah Mengajar Agama WP Siri 2/2015 Majlis Penjelasan Fatwa Siri 2/2015
6	Ogos	Program Pemantapan Fatwa Siri 4/2015
7	September	Program Pemantapan Fatwa Siri 5/2015
	Oktober	Program Pemantapan Fatwa Siri 6/2015
	November	Program Pemantapan Fatwa Siri 7/2015

		Multaqa Pendakwah Negara & Serantau 2015
		Seminar Pemurnian Akidah Siri 1/2015
		Seminar Bayan Linnas & Irsyad al-Fatwa

Jadual 1: Aktiviti Jabatan Mufti Wilayah 2015

Manakala di negeri Kelantan pula, terdapat beberapa program yang telah diatur oleh Jabatan Mufti Negeri untuk menyampaikan dan menyebarkan fatwa. Salah satu program yang disusun ialah Wacana Pendidikan Fatwa. Antara objektif program ini dilaksanakan ialah untuk menyebarkan keputusan fatwa yang telah diputuskan sama ada di peringkat nasional maupun di peringkat negeri. Begitu juga dengan program Program Mufti Bersama Masyarakat. Program ini disusun secara berkala dengan Mufti secara terus berosal jawab dengan masyarakat setempat mengenai isu-isu hukum syarak yang timbul (Buletin Mufti, 1/2011).

Walaupun secara asasnya semua program yang telah disusun oleh sebuah Jabatan Mufti dan berlangsung dengan jayanya seperti mana yang telah dilaporkan oleh pihak jabatan, namun tidak terdapat satu kumpulan data yang saintifik yang boleh membuktikan keberkesanannya terhadap audiens yang datang. Sebagai contoh, laporan tentang keberjayaan program Wacana Pendidikan Fatwa di negeri Kelantan dinyatakan seperti berikut;

“Secara keseluruhannya program ini telah mendapat respon yang baik dari para peserta kerana isu-isu yang dibentangkan merupakan isu-isu semasa yang sedang hangat diperkatakan umum” (Buletin Mufti, 1/2011)

Kejayaan yang dijelaskan tidak boleh diambil kira jika sekiranya hanya diukur dengan jumlah kehadiran dan respon yang baik daripada audiens semata-mata. Ini kerana pihak jabatan telah mengeluarkan arahan kepada pihak tertentu bagi menghadiri program tersebut, malah kelompok yang hadir adalah bagi memenuhi tuntutan prestasi atau mengisi masa lapang selain berada di pejabat sehari-hari. Oleh itu, cara yang terbaik untuk mengukur keberkesanannya penyebaran fatwa melalui program yang telah disusun ialah dengan melaksanakan satu kaji selidik terhadap kumpulan audiens yang hadir dalam program-program tersebut.


Keberkesanannya Penyebaran Fatwa di Malaysia: *Kirkpatrick Model of Evaluation*

Sepertimana yang telah dijelaskan, penyebaran fatwa di Malaysia oleh Jabatan Mufti Negeri masing-masing merupakan salah satu agenda besar dan tetap sepanjang tahun. Pelbagai bentuk program berobjektif menyebarkan fatwa-fatwa yang telah diputuskan dirancang dan dilaksanakan secara berkala. Hal ini memerlukan satu kajian yang menyeluruh bagi menilai keberkesanannya semua program-program tersebut. Kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan menilai keberkesanannya program penyebaran fatwa dan hasilnya nanti mampu diteliti kembali oleh Jabatan Mufti Negeri bagi tujuan penambahbaikan kepada program-program yang dirancang.

Kirkpatrick Model of Evaluation mula diperkenalkan oleh Donald L. Kirkpatrick pada tahun 1959 dengan nama “Model Penilaian Empat Tahap Latihan” dan kemudiannya dikemaskini pada tahun 1975 dan 1994 dengan nama “Penilaian Program Latihan”. Menurut Kamaruzzaman Abdul Manan (2013), Model Penilaian Kirkpatrick merupakan salah satu model


penilaian yang terawal dan paling banyak digunakan dalam penilaian latihan. Kajian yang menggunakan model ini telah banyak membuat sumbangan berharga kepada teori penilaian latihan dan terbukti secara empirikal dalam menilai tahap keberkesanannya latihan dengan baik sejak tahun 1959. Model ini kerap digunakan kerana mudah untuk diaplikasikan dan mempunyai keupayaan untuk membantu kejayaan proses penilaian sesebuah latihan (Alliger dan Janak, 1989).

Secara amnya, model ini mempunyai empat tahap penilaian yang direka sebagai kaedah untuk menilai keberkesanannya sesuatu program latihan. Tahap pertama berkaitan reaksi yang merupakan pengukuran terhadap aspek pandangan peserta terhadap program latihan. Tahap kedua pula ialah pembelajaran. Tahap ini akan menilai apa-apa yang dipelajari dan disimpan daripada pengalaman pembelajaran. Tahap ketiga adalah bersangkutan perubahan kelakuan. Tahap ini akan menilai sama ada peserta mengaplikasikan perkara yang dipelajari. Makala tahap keempat ialah hasil. Tahap ini menilai kesan program yang membawa kepada perubahan yang positif (Kirkpatrick, 2006).




Rajah 1: Model Penilaian Empat Tahap Latihan Kirkpatrick

Dalam konteks penilaian keberkesanannya penyebaran fatwa melalui program-program yang telah disusun oleh Jabatan Mufti Negeri, kaedah penilaian ini telah dipilih. Melalui kajian yang dilaksanakan ini, keseluruhan Model Penilaian Kirkpatrick tidak diimplementasikan. Adaptasi model penilaian ini telah dilakukan bagi disesuaikan dengan objektif kajian merangkumi 3 peringkat penting iaitu reaksi peserta terhadap keperluan program yang dilaksanakan, proses pembelajaran yang berlaku daripada program yang dihadiri dan tingkah laku melibatkan pengamalan peserta terhadap kefahaman fatwa yang disebarluaskan melalui program tersebut. Pendekatan adaptasi yang hanya metangkumi 3 tahap daripada 4 ini telah diketengahkan oleh Azlah Md Ali (2009). Menurutnya, dalam model ini antara tahap yang perlu dinilai ialah tahap reaksi, tahap pembelajaran dan tahap perlakuan.



Rajah 2: Tiga Tahap Keberkesanan Latihan

Berpandukan kepada adaptasi yang telah dilakukan, asas penilaian keberkesanan penyebaran fatwa melalui program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri akan menggunakan kaedah yang sama dengan modifikasi di beberapa bahagian tertentu supaya sesuai dengan objektif kajian. Proses penilaian berdasarkan model ini adalah bertujuan meneliti keberkesaan program penyebaran fatwa yang dilakukan melibatkan perbandingan pengetahuan, kefahaman dan pengamalan audiens sebelum dan selepas program penyebaran fatwa dilaksanakan. Perbandingan pengetahuan adalah diadaptasikan daripada tahap pertama model iaitu reaksi, kefahaman pula ialah daripada tahap kedua model iaitu pembelajaran, manakala pengamalan audiens sebelum dan selepas program adalah daripada tahap ketiga iaitu tingkah laku.



Rajah 3: Keberkesanan Program Penyebaran Fatwa Berasaskan *Kirkpatrick Model of Evaluation*

Bagi mendapatkan data untuk dianalisis keberkesanan program penyebaran fatwa ini, satu set soal selidik dibentuk merangkumi ketiga-tiga tahap di atas. Soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian, bahagian A melibatkan maklumat peribadi peserta program, bahagian B melibatkan perkara-perkara berkaitan keberkesanan program sebaran maklumat fatwa, bahagian C pula melibatkan reaksi, bahagian E melibatkan pengamalan.

Untuk bahagian B, terdapat 8 perkara yang dibina. Antara perkara tersebut ialah seperti berikut;

Bil	Perkara
1	Kaedah penerangan sesuai dengan keperluan semasa.
2	Maklumat yang diberikan adalah mencukupi.
3	Sesuatu isu dapat difahami dengan baik selepas mengikuti program ini.
4	Kandungan program penyebaran maklumat fatwa yang dijalankan bersesuaian dengan keperluan diri dan masyarakat.
5	Tempoh masa program penyebaran maklumat fatwa adalah mencukupi

Bagi bahagian C, terdapat 7 perkara yang dibentuk. Antara perkara tersebut adalah seperti berikut;

Bil	Perkara
1	Program ini adalah sangat baik.
2	Objektif dan penerangan program mudah difahami.
3	Bahan yang disediakan mencukupi.
4	Maklumat dan isi kandungan mudah difahami.
5	Teknik penyampaian penceramah mudah difahami.

Bahagian D pula, terdapat 9 perkara yang dikemukakan. Antara perkara tersebut ialah;

Bil	Perkara
1	Program yang diikuti bersesuaian dengan bidang tugas dan tanggungjawab saya.
2	Pengetahuan yang diperolehi boleh diaplikasi dalam tugas harian saya.
3	Program yang diikuti dapat meningkatkan ilmu pengetahuan saya.
4	Program ini mampu meningkatkan pengetahuan saya untuk menjadi lebih efektif.
5	Program yang diikuti dapat meningkatkan pengetahuan dan keyakinan saya.

Bagi bahagian terakhir pula iaitu bahagian E, terdapat 9 perkara yang diperuntukkan. Antara perkara tersebut ialah;

Bil	Perkara
1	Program penyampaian maklumat fatwa membantu pengamalan saya dengan lebih baik.

2	Program ini membantu saya menjadi lebih peka dan produktif.
3	Pengamalan saya lebih menepati hukum syarak setelah saya mengikuti program ini
4	Penyertaan program ini dapat membantu saya mengetepikan amalan yang tidak menepati syarak
5	Program ini menjadikan saya mampu berkomunikasi dengan lebih baik.

Respon peserta program kepada semua perkara diukur dengan lima tahap sekala likert bermula dari sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Dapatkan daripada soal selidik yang telah dibina ini akan mampu memberi gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan program-program yang telah dirancang oleh pihak Jabatan Mufti Negeri dalam usaha menyebarkan fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh badan berautoriti fatwa negeri.

Kesimpulan

Penyebaran fatwa adalah satu keperluan bagi membimbing masyarakat Islam di dalam urusan kehidupan. Perkara ini adalah sangat bertepatan dengan maksud dan objektif fatwa itu sendiri yang merupakan jawapan kepada persoalan masyarakat berkaitan hukum syarak.

Penyebaran fatwa telah dilakukan oleh pihak berwenang fatwa di Malaysia melibatkan Jabatan Mufti Negeri masing-masing melalui pelbagai medium antaranya dengan mengadakan program-program bersama masyarakat sepanjang tahun. Antara program-program yang telah dinyatakan ialah Majlis Penjelasan Fatwa yang dilakukan di Wilayah Persekutuan dan Wacana Pendidikan Fatwa yang dilasankan di negeri Kelantan. Negeri-negeri lain juga mempunyai program yang sama bagi tujuan penyebaran fatwa secara berkala.

Bagi tujuan penambahbaikan, satu bentuk kajian keberkesanan terhadap program-program penyebaran fatwa perlu dilakukan. Untuk tujuan itu, adaptasi *Kirkpatrick Model of Evaluation* telah dilakukan untuk meneliti beberapa perkara yang membabitkan *pre* dan *post* sesuatu program penyebaran fatwa yang telah diatur. Ukuran keberkesanan tersebut adalah berdasarkan respon peserta program yang hadir terhadap soal selidik yang dibina.

Hasil kajian ini akan berupaya memberi input kepada badan berwenang fatwa di peringkat negeri untuk memperkemaskan lagi bentuk dan struktur program agar impak yang lebih baik terhasil kepada masyarakat daripada fatwa yang telah ditetapkan.

Rujukan

- Abdul Aziz Bari. (2005). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Abdullah Ibn Abdul Muhsin al-Turki. (1990). *Usul Mazhab al-Imam Ahmad*. Damsyiq: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Omar Chapakia (2006), “Pengurusan Fatwa di Thailand” dalam Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa *et al.* (eds.), *Prinsip dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*. Nilai: INFAD, KUIM.
- Ali Ibn ‘Abbas al-Hakami, (2001), *Usul al-Fatwa wa Tatbiq al-Ahkam al-Shar‘iyyah fi Bilad Ghayr al-Muslimin*, c. 2. Mekah: al-Maktabah al-Makkiyah.

- al-Amidi. (1979). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi. (1987). *Adab al-Fatwa*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- al-Syatibi. (1996). *al-Muwafaqat fi usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Azlah Md Ali. *et. al.* (2009). "Keberkesanan Latihan di Kalangan Kakitangan Kumpulan Sokongan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman" dalam Aminah Ahmad Khalid (eds.), *Amalan Latihan Dan Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hussain Muhammad al-Mallah. (2001). *al-Fatwa*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1996). *I'lam al-Muwaqqi 'in 'an Rabb al-'Alamin*, 4 j. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). Majalah al-I'tisam. Bil. 28/2016.
- Jabatan Mufti Negeri Kelantan. (2011). Buletin Mufti. Bil. 1/2011.
- Japar Mat Dain (2006), "Pengurusan Fatwa di Negara Brunei Darussalam" dalam Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa *et al.* (eds.), *Prinsip dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*. Nilai: INFAD, KUIM.
- Kamaruzzaman Abdul Manan. (2013). Model Penilaian Kirkpatrick: Mengkaji Pengaruh Komunikasi Terhadap Keberkesanan Latihan. *Jurnal Komunikasi*, 29, 31-50.
- Kirkpatrick, D.L Et Kirkpatrick, J.D. (2006) *Evaluating Training Programs: The Four Levels (3rdEd)*. San Fransisco: Berret-Koehler.
- K.H. Ma'ruf Amin (2006), "Pengurusan Fatwa di Indonesia" dalam Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa *et al.* (eds.), *Prinsip dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*. Nilai: INFAD, KUIM.
- Lokmanulhakim Hussain. (2013). *Ijtihad Jama'i dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi di Malaysia*. Nilai: USIM.
- Mohd Akram Dahaman. (2005). "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000" (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia)
- Mohd Akram Dahaman. (2012). "Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)" (Tesis Phd, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia)
- Mohd Murat Md Aris, Haji (2006), "Pengurusan Fatwa di Singapura" dalam Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa *et al.* (eds.), *Prinsip dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*. Nilai: INFAD, KUIM.
- Mohammad Abdus Salam bin Osman (2006), "Pengurusan Fatwa di Kemboja" dalam Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa *et al.* (eds.), *Prinsip dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*. Nilai: INFAD, KUIM.
- Muhammad Ahmad Makki. (1999). *Fatawa Mustafa al-Zarqa'*. Damsyiq: Dar al-'Ilm.
- Muhammad Mustafa Syalabi. (1985). *al-Madkhali fi al-Ta'rif bi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Mustafa bin Abdul Rahman. (2008). "Manhaj al-Fatwa Lada Majlis al-Ifta' al-Watani al-Malizi", dalam Haji Abdul Samat Musa (eds.), *Manhajiyah al-Ifta' fi al-Fiqh al-Islami*.
- Raihanah Abdullah. (2004). "Personel Jabatan Mufti", dalam Ahmad Hidayat Buang (eds.), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

‘Umar Sulayman al-Asyqar. (2003). *al-Madkhal ila Dirasah al-Mazahib wa al-Madaris al-Fiqhiyyah*. Amman: Dar al-Nafa’is.

Umar Sulayman al-Asyqar. (1991). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, c. 3. Amman: Dar al-Nafa’is.
Nilai: USIM.

Yusuf al- Qaradawi, (1996), “Nahw Fiqh Muyassar”, *Majallah Islamiyyah al-Ma‘rifah*, Jil. 2
Bil 5.

‘